



Headline: Wanita kerugian RM329,400 ditipu sindiket 'Macau Scam' Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sabah)
Date: 10 April 2019

Section: Citra Utusan
Page: 4

Wanita kerugian RM329,400 ditipu sindiket 'Macau Scam'

KUCHING: Seorang wanita rugi RM329,400 selepas terpedaya dengan sindiket 'Macau Scam' yang mendakwa mangsa mempunyai hutang dengan pihak kastam berkaitan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan terlibat kes dadah dan pengubahan wang haram.

Perkara itu didedahkan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Sarawak Superintenden Mustafa Kamal Gani Abdullah yang memberitahu, pada 27 Mac lalu di rumah mangsa di Kuching, mangsa, 52, menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki Cina yang mengatakan dia daripada Bahagian Pentadbiran Jabatan Kastam Putrajaya.

"Suspek memberitahu mangsa ada berhutang dengan pihak kastam berkenaan dengan GST berjumlah RM51,076 dari tarikh 12 Jun 2017 sehingga Januari 2018 atas sebuah syarikat yang dibuka di Pulau Pinang.

"Mangsa menafikan perkara tersebut kerana tidak pernah mendaftar atau mempunyai apa-apa syarikat di Pulau Pinang yang mana suspek kemudian menyambungkan talian ke Ibu Pejabat Polis Daerah Pulau Pinang dan bercakap dengan suspek yang menyamar sebagai polis dan memberitahu mangsa ada satu lagi kes melibatkan sindiket dadah dan pengubahan wang haram," dedahnya menerusi satu kenyataan di sini, pada Isnin.

Mustafa memberitahu, mangsa menafikan kesemua dakwaan tersebut dan suspek menyuruh mangsa bekerjasama dengannya dan suspek juga meminta mangsa berjanji merahsiakan hal ini, kerana pihak suspek sedang melakukan siasatan dan bagi melancarkan lagi siasatan.

Menurutnya, mangsa antara tarikh 2 April hingga 5 April lalu kemudian diminta mengeluarkan kesemua wangnya dan dipindahkan ke akaun yang suspek berikan.

"Mangsa telah melakukan 31 transaksi pemindahan wang sebanyak RM329,400 ke dalam lima akaun bank berbeza yang dikatakan oleh suspek adalah milik juruaudit di Jabatan Audit Negara.

"Selepas pembayaran tersebut, mangsa cuba menghubungi dan menghantar pesanan *WhatsApp* kepada suspek tetapi mangsa tidak dibalas," jelasnya.

Katanya, mangsa yang kemudian sedar bahawa dirinya telah ditipu oleh panggilan palsu itu tampil membuat laporan polis pada Ahad.

Sehubungan itu, Mustafa mengingatkan agar masyarakat sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya dengan muslihat atau tipu helah pihak tertentu yang menyamar sebagai pegawai atau anggota polis dan pegawai jabatan dan agensi kerajaan lain.

"Waspada jika ada pihak mengatakan anda terlibat dengan saman tertunggak, kes langgar lari, kes hutang GST, kes jenayah pengubahan wang haram, kes tuduhan mendapatkan duit daripada orang awam, nama digunakan untuk pendaftaran sesebuah syarikat dan sebagainya.

"Justeru, masyarakat diingatkan supaya tidak panik dan mudah percaya dengan panggilan daripada individu yang tidak dikenali," ujarnya.

Tambahnya lagi, pihak polis atau agensi kerajaan tidak akan meminta orang ramai membayar wang ke dalam mana-mana akaun peribadi.

"Masyarakat boleh melayari portal rasmi polis diraja malaysia (rmp.gov.my), Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (ccid.rmp.gov.my) dan *Facebook* untuk mendapatkan maklumat dan nasihat terkini berhubung penipuan kewangan (*financial fraud*) seumpamanya," tegasnya.